



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK MENAIK TARAF JALAN LOK KAWI DARI BULATAN SABINDO KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KINARUT, PAPAR (JALAN PERSEKUTUAN)

PAPAR, SABAH – Kerajaan MADANI melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini secara rasmi telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Naik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kinarut, Papar, Sabah. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

2. Projek berimpak tinggi ini diluluskan di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan penglibatan kos keseluruhan sebanyak RM70.6 juta. Langkah menaik taraf ini amat kritikal memandangkan laluan sedia ada yang merupakan jalan tunggal dua (2) lorong piawaian JKR R4, kini mengalami kesesakan pada waktu puncak ekoran pertambahan drastik aktiviti pembangunan. Isipadu trafik di jajaran ini dilaporkan telah mencecah 27,000 kenderaan sehari, sekali gus menyebabkan tahap perkhidmatan jalan berada pada tahap kritikal iaitu Tahap F (*Level of Service* - LOS F). Melalui pelaksanaan projek menaik taraf ini, tahap perkhidmatan jalan raya dijangka dapat dipertingkatkan kepada tahap yang lebih baik, sekali gus melancarkan pergerakan trafik serta meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

3. Pelaksanaan projek ini akan melibatkan kerja-kerja menaik taraf sepanjang 1.3 kilometer jalan tunggal dua (2) lorong kepada jalan berkembar empat (4) lorong dua (2) hala (*dual carriageway*) mengikut piawaian JKR U5. Bagi menjamin keselamatan dan keselesaan komuniti setempat, komponen utama projek turut merangkumi:

• Penaikan Taraf Jalan dan Persimpangan

Menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan berkembar empat (4) lorong dua (2) hala serta menaik taraf tiga (3) persimpangan bulatan sedia ada kepada persimpangan berlampu isyarat.

- **Kemudahan Pejalan Kaki dan Murid Sekolah**

Pembinaan satu (1) buah jejantas pejalan kaki serta laluan berbumbung terus ke sekolah bagi meningkatkan keselamatan pengguna, khususnya murid sekolah.

- **Infrastruktur Sokongan Jalan Raya**

Pembinaan tiga (3) buah hentian bas, dua (2) buah perlindungan motosikal, pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat serta penyediaan sistem perparitan baharu.

4. Pembinaan projek ini bukan sahaja bakal meningkatkan kapasiti laluan untuk mengurai kesesakan dan menjamin keselamatan pengguna, malah dijangka memberikan impak positif yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi di sepanjang koridor Lok Kawi – Pengalat – Papar melalui pemantapan aksesibiliti bagi industri setempat dan sektor pelancongan.

5. Kementerian Kerja Raya menegaskan bahawa kejayaan projek ini amat bergantung kepada komitmen serta sinergi erat pelbagai pihak. Sehubungan itu, KKR memohon kerjasama penuh daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah serta agensi-agensi berkaitan bagi mempercepatkan proses pengambilan tanah dan pengalihan utiliti di tapak pembinaan. Sinergi bersepadu ini amat penting bagi mengelakkan sebarang halangan teknikal yang boleh menjejaskan garis masa pelaksanaan projek demi kepentingan rakyat.

6. Selaras dengan Aspirasi Kementerian Kerja Raya, kontraktor yang diamanahkan digesa untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan dengan penuh integriti dan tanggungjawab, serta mematuhi jadual masa dan spesifikasi kualiti yang telah ditetapkan. Pemantauan berkala akan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak KKR, Jabatan Kerja Raya Malaysia, dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah bagi memastikan kemajuan kerja sentiasa berada dalam kawalan. Komitmen ini mencerminkan tekad berterusan KKR dalam menyediakan rangkaian jalan raya Persekutuan yang berkualiti, selamat, dan selesa di Negeri Sabah.

-TAMAT-



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
28 JULAI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADAN Ibekerja